

**PENYERAPAN ELEMEN FALSAFAH BAHASA UNTUK PENYATUPADUAN NASIONAL
DI SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN (KEBITARAAN BAHASA MELAYU)**

(*Applying Elements of Language Philosophy for National Integration in Cluster Schools
Excellence of Malay Language*)

MOHD KHAIDIR ABDUL WAHAB*

Universiti Pendidikan Sultan Idris
khaidirupsi@gmail.com

MOHD RASHID MD IDRIS

Universiti Pendidikan Sultan Idris
rashid@fbk.upsi.edu.my

ABDUL KADIR ARIFFIN

Universiti Pendidikan Sultan Idris
kadir@fppm.upsi.edu.my

Dihantar pada:

10 Julai 2017

Diterima pada:

01 November 2017

Koresponden:

khaidirupsi@gmail.com

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk menentukan tahap pelaksanaan dan interpretasi terhadap penyerapan elemen falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional dalam kalangan guru Bahasa Melayu di Sekolah Kluster Kecemerlangan (Kebitaraan Bahasa Melayu). Data yang dikumpul oleh kaji selidik yang melibatkan 310 guru dari 41 buah Sekolah Kluster Kecemerlangan (Kebitaraan Bahasa Melayu). Daripada jumlah tersebut, tujuh buah SKK (Kebitaraan Bahasa Melayu) di negeri Perak, sembilan buah SKK (Kebitaraan Bahasa Melayu) di negeri Selangor, 16 buah SKK (Kebitaraan Bahasa Melayu) di negeri Pahang dan sembilan buah SKK (Kebitaraan Bahasa Melayu) di Negeri Sembilan. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif untuk menentukan tahap pelaksanaan dan interpretasi penyerapan elemen falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional. Keputusan menunjukkan bahawa guru Bahasa Melayu di Sekolah Kluster Kecemerlangan (Kebitaraan Bahasa Melayu) melaksanakan penyerapan elemen falsafah bahasa dalam pembelajaran dan pemudah cara (PdPc) Bahasa Melayu di peringkat tinggi (min skor 3.80 hingga 5.00). Kajian ini memberi sumbangan yang besar dengan memperluaskan skop dan peranan falsafah bahasa daripada bidang yang hanya berfokus kepada pendidikan bahasa kepada usaha penyatupaduan nasional.

Kata kunci: Penyerapan, falsafah bahasa, penyatupaduan nasional, guru Bahasa Melayu, Sekolah Kluster Kecemerlangan (Kebitaraan Bahasa Melayu).

Abstract: This study aims to determine the level of implementation and interpretation in applying the elements of language philosophy for national integration among Malay Language teachers at cluster schools (Excellence in Malay Language). The data collected involved 310 teachers from 41 cluster schools (Excellence in Malay Language). 7 cluster schools from Perak, 9 cluster schools from Selangor, 16 cluster schools from Pahang and 9 cluster schools from Negeri Sembilan (Excellence in Malay Language) were selected for the study. The data was analyzed using descriptive statistics to determine the level of implementation and interpretation in applying the elements of language philosophy for national integration. The results showed that the Malay Language teachers at the participating cluster schools (Excellence in Malay Language) applied the elements of language philosophy in the lesson and facilitation of Malay language (PdPc) at a high level (mean score between 3.80 to 5.00). This study contributes a lot in terms of expanding the scope and the roles of language philosophy from a field which initially focuses only on language education to a field that focuses on the efforts of national integration too.

Keyword: *inculcation, language philosophy, national unity, Malay teachers, cluster schools (Excellence of Malay Language).*

PENGENALAN

Sejak dikanunkan dalam Perlembagaan Malaya pada tahun 1957, Dasar Bahasa Kebangsaan tidak pernah berubah sehinggalah sekarang. Bahasa Melayu tetap berperanan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Apa yang berubah ialah strategi negara menghadapi cabaran-cabaran yang membelenggu Bahasa Melayu, khususnya dalam usaha menjadikan Bahasa Melayu sebagai satu-satunya bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang menjadi simbol penyatupaduan nasional (Asmah 2015; Nik Safiah 2007). Dalam hal ini, persoalan yang membelenggu dalam pelaksanaan dasar ini ialah penggunaannya dalam konteks tertentu, khususnya dalam bidang pendidikan.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia kini, dasar yang dibawa sejak Laporan Razak 1956 masih lagi diteruskan dengan pengkalan sistem persekolahan pelbagai aliran, iaitu Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) (seterusnya digunakan rujukan singkat SK, SJKC dan SJKT). Di samping itu, bahasa Cina dan bahasa Tamil turut digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah jenis kebangsaan tersebut. Malaysia merupakan negara tunggal di dunia yang mempunyai sistem pendidikan dua aliran, iaitu sekolah kebangsaan (SK) dan sekolah jenis kebangsaan (SJK) dan tidak terdapat model seperti ini di negara lain (Asmah 2015; Hassan 2014).

Hakikat yang perlu diterima oleh semua pihak ialah isu berkaitan sistem persekolahan merupakan sesuatu yang sensitif bagi masyarakat Malaysia yang berbilang etnik, kerana agak sukar untuk mendapat persetujuan daripada masyarakat yang mempunyai pandangan dan kepentingan yang berbeza kesan daripada pengasingan etnik yang dibenarkan dalam sistem pendidikan di Malaysia (Teo Kok Seong, 2016). Memandangkan usaha untuk mewujudkan sekolah satu aliran terlalu rumit dan sukar untuk direalisasikan di negara ini, maka usaha penyatupaduan dalam kepelbagaian etnik yang telah sedia ada harus dipertahankan dan penambahbaikan perlu dilakukan.

Hal ini sejajar dengan pandangan Mior Khairul Azrin (2011) bahawa sekolah sebagai asas permulaan membina hubungan baik antara murid

pelbagai etnik. Di sekolah mereka dapat beramah mesra, bergaul, bersukan, makan bersama, saling berkenalan antara satu sama lain seterusnya mampu merapatkan hubungan silaturahim.

Dalam hal ini, strategi baharu perlu dilaksanakan untuk mengisi kelompangan usaha-usaha penyatupaduan yang telah sedia ada. Antara usaha yang perlu diketengahkan ialah penyatupaduan nasional melalui Bahasa Melayu. Hal ini selari dengan penegasan yang dibuat oleh Awang Sariyan (2010), iaitu aspek yang kurang diperhatikan dan disedari tentang kejayaan sistem pendidikan negara yang berbahasa pengantar Bahasa Melayu ialah terbentuknya kesatuan sikap, pemikiran, sistem nilai dan pandangan sarwa dalam kalangan generasi muda di Malaysia. Selain itu, Bahasa Melayu juga mampu membentuk budaya berbahasa yang relatif seragam dan sebahagian prasangka perkauman dapat diatasi oleh faktor bahasa.

Justeru, dalam kajian ini pengkaji akan mengetengahkan penyerapan elemen falsafah bahasa dalam pembelajaran dan pemudah cara (PdPc) Bahasa Melayu untuk penyatupaduan nasional. Hal ini kerana, inti pati yang terkandung dalam bahasa menerusi falsafahnya akan menjadi sebagai satu rangsangan kepada murid untuk membina semangat nasionalisme dan patriotisme kepada negara di samping berupaya memperkembangkan sepenuhnya potensi mereka (Hashim 2006).

FALSAFAH BAHASA UNTUK PENYATUPADUAN NASIONAL

Umumnya, bidang falsafah bahasa ialah percantuman antara kajian falsafah dan kajian bahasa (Khairuddin, Ghazali & Mastura 2014; Awang Sariyan 2014; A. Chaedar 2010; Asep Ahmad Hidayat 2009; Hashim 2006). Hakikatnya, pembelajaran bahasa bukan sekadar mengetahui selok-belok bahasa, bunyi, ejaan, perkataan dan kosa kata dalam binaan ayat, frasa dan klausanya (Hashim 2006).

Justeru, dalam usaha pembinaan dan kebangkitan sesebuah negara, bahasa merupakan aspek yang penting sebagai wahana kreativiti, penyaluran ilmu, keterampilan serta nilai masyarakat daripada satu generasi ke generasi lain. Hal ini jelas melalui penegasan yang dinyatakan oleh Awang Sariyan (2014, 2004), iaitu:

Pengajaran bahasa tidak akan bererti sepenuhnya jika hakikat bahasa, peranan bahasa dalam pembentukan konsep diri insan, peranan bahasa dalam pengilmuan individu dan masyarakat dan peranan bahasa dalam proses pewarisan nilai serta tamadun tidak dijadikan landasan proses PdPc bahasa. Sekadar mengajarkan dan mempelajari bahasa secara mekanis, dengan hanya menitikberatkan penguasaan sistem bahasa dan kemahiran bahasa tampaknya sekadar berhasil melahirkan anak didik yang menguasai bahasa untuk tujuan praktis, seperti untuk mengisi keperluan pekerjaan. Hakikatnya, martabat bahasa jauh lebih tinggi daripada itu. Kita mengharapkan suburnya tradisi pemikiran dan budaya ilmu melalui kreativiti bahasa, terutamanya penghasilan karya dalam pelbagai bidang dan melahirkan anggota masyarakat yang menyemarakkan pelbagai wacana untuk menghidupkan perdebatan sihat dan ilmiah dalam meninggikan martabat keinsanannya.

Berdasarkan keperluan strategi penyatu-paduan nasional dalam menghadapi kepelbagaian etnik yang kini semakin mencabar, pelaksanaan penyerapan elemen falsafah bahasa untuk penyatu-paduan nasional dirasakan perlu untuk menjadi pelengkap kepada PdPc Bahasa Melayu sedia ada yang lebih memfokuskan kepada penguasaan sistem dan kemahiran bahasa. Hal ini bertepatan dengan penekanan aspek penyerapan melalui pelaksanaan pendekatan bersepadu pendidikan Bahasa Melayu.

Dalam konteks ini, penyerapan ialah penyepaduan elemen yang relevan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa (Awang Sariyan, 2004). Justeru, penekanan penyepaduan elemen bidang ilmu; hal ehwal persendirian dan kemasyarakatan; semangat kewarganegaraan dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia harus dilaksanakan.

Ringkasnya, strategi penyerapan yang diamalkan dalam PdPc Bahasa Melayu dikenali sebagai penyerapan ilmu dan nilai. Awang Sariyan (2004) menegaskan bahawa strategi penyerapan ini bertujuan mengisi aspek kandungan bahasa, iaitu pemikiran, ilmu, pandangan hidup, sistem nilai, dan warisan yang perlu diperkenalkan kepada generasi muda dalam rangka mengekalkan dan meningkatkan kebudayaan serta tamadun

bangsa seperti pernyataan yang dikemukakan oleh beliau seperti yang berikut:

Strategi penyerapan diperkenalkan dengan tujuan yang jelas, iaitu agar unsur ilmu, hal ehwal persendirian dan kemasyarakatan, serta nilai-nilai murni yang menjadi kandungan bahasa itu diajarkan secara berterusan, terancang dan beransur-ansur. Istilah ini menepati erti kata *serap* menurut kamus, iaitu masuk melalui lubang-lubang seni dan meresap benar ke dalam hati. Segala elemen yang menjadi kandungan bahasa itu perlu dimasukkan “melalui liang-liang seni” membawa maksud pada setiap kesempatan dalam pengajaran, elemen tersebut perlu diketengahkan dengan menggunakan teknik yang cukup berseni, tidak semestinya didaktik. Selain itu, elemen kehidupan yang akan disampaikan melalui pengajaran bahasa itu perlu meresap benar ke dalam hati (Awang Sariyan, 2004).

Berdasarkan pernyataan di atas proses PdPc Bahasa Melayu akan mencapai matlamat dan objektifnya apabila murid bukan sahaja terampil dalam komunikasi, bahkan dapat menghayati dan menampilkan elemen positif kehidupan, iaitu dari segi ilmu, nilai, hal ehwal persendirian dan kemasyarakatan, serta kewarganegaraan semasa berkomunikasi. Dalam hal ini, aspek penyerapan kemahiran berfikir juga menandai PdPc bahasa. Penekanan kemahiran berfikir dalam pendidikan bahasa adalah penting berdasarkan hakikat bahawa bahasa ialah fakulti dan operasi akal.

Dalam sudut Islam pula, bahasa senantiasa dilihat sebagai suatu kesatuan dengan *nutq* atau *rasio*, sehingga gelaran “*rational animal*” atau haiwan rasional (*haiwan natiq*) yang diberikan kepada manusia diertikan sebagai ‘haiwan yang berfikir dan berbahasa’ (Awang Sariyan, 2014; Mohd Rashid 2012; Mohd Rashid & Abu Hassan 2010).

Dalam konteks ini juga, strategi penyerapan elemen falsafah bahasa untuk penyatu-paduan nasional ini juga perlu menitikberatkan nilai nasionalisme linguistik dalam PdPc Bahasa Melayu. Antara nilai yang dimaksudkan ialah memberi penghayatan yang mendalam kepada murid berkaitan peranan Bahasa Melayu selaku bahasa negara. Hal ini bertepatan dalam konteks pemilihan Bahasa Melayu sebagai bahasa

kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Pemilihan ini berdasarkan empat faktor.

1. Bahasa Melayu adalah bahasa kumpulan etnik yang paling ramai. Pada sekitar tahun 1957, sewaktu kemerdekaan, kaum Melayu yang merupakan 49.78 peratus dari jumlah keseluruhan penduduk, adalah kelompok majoriti.
2. Bahasa Melayu sebagai sebuah bahasa tempatan, mampu memberi keperibadian peribumi kepada negara ini.
3. Bahasa Melayu telah menjadi bahasa perhubungan atau *lingua franca* di rantau ini untuk beberapa abad.
4. Bahasa Melayu ialah bahasa pentadbiran untuk beberapa kerajaan Melayu sebelum kehadiran mana-mana kuasa Barat di negara ini (Teo Kok Seong, 2010; Asmah 1979).

Selain itu, nilai nasionalisme linguistik ini mampu membentuk jati diri sepunya antara murid melalui PdPc Bahasa Melayu. Secara umumnya, jati diri atau identiti adalah satu kategori yang merujuk kepada perasaan atau pemikiran tentang diri seseorang individu itu sebagai satu kelompok (Outhwaite, 2003; Sills, 1969). Dalam hal ini, kepelbagaian etnik di Malaysia adalah satu kompleksiti sosial yang perlu ditangani, agar jati diri yang sama, yang tidak dimiliki atau dipamerkan oleh seluruh masyarakat dapat dibentuk serta diperagakan dalam bentuk yang utuh pada kemudian hari (Teo Kok Seong, 2010).

Dalam konteks Bahasa Melayu penonjolan penggunaan satu bahasa, iaitu bahasa negara Malaysia oleh pelbagai kaum merupakan gambaran bangsa Malaysia yang mempunyai jati diri yang dihasratkan. Bangsa Malaysia diberi gambaran yang jelas apabila rakyat yang hidup dan dibesarkan dalam budaya dan bahasa yang berbeza-beza mampu tampil dengan satu bahasa, iaitu orang Cina tidak menampilkan bahasa Mandarinnya dan orang India tidak menyetengahkan bahasa Tamilnya. Persamaan dan keterikatan yang dapat membentuk jati diri sebagai bangsa Malaysia, tidak lain daripada Bahasa Melayu (Teo Kok Seong, 2015).

PERNYATAAN MASALAH

Permasalahan utama dalam kajian ini ialah berkaitan penumpuan PdPc Bahasa Melayu yang

terlalu menitikberatkan aspek pragmatis seperti penguasaan sistem bahasa dan kemahiran berbahasa mengakibatkan kurangnya perhatian terhadap aspek falsafah yang mendasari aspek pragmatis dan teknis dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu. Hal ini disokong oleh Awang Sariyan (2014;2004), iaitu PdPc Bahasa Melayu yang hanya menitikberatkan penguasaan sistem bahasa dan kemahiran berbahasa hanya mampu melahirkan murid yang mampu menguasai bahasa untuk tujuan praktis, seperti untuk lulus dalam peperiksaan dan syarat mengisi keperluan pekerjaan. Matlamat pendidikan bahasa bukan sekadar untuk melahirkan murid yang menguasai sistem dan kemahiran bahasa tetapi membentuk murid yang bersahsiah tinggi, mempunyai semangat nasionalisme terhadap negara, dan suburnya tradisi pemikiran dan budaya ilmu melalui kreativiti bahasa.

Umum menyedari bahawa persepsi oleh sesetengah pihak, khususnya dalam kalangan bukan Melayu, bahawa peranan Bahasa Melayu di negara ini adalah semata-mata untuk tujuan komunikasi antara rakyat. Dalam hal ini, Teo Kok Seong (2013) menegaskan bahawa pemahaman ini bukan sahaja dangkal malah jelas memperlihatkan betapa jahilnya beberapa pihak tertentu mengenai hubungan antara nasionalisme dan patriotisme dengan bahasa negara, iaitu Bahasa Melayu. Hal ini disokong oleh Awang Sariyan (2014) yang menyatakan bahawa "*bahasa bukan sekadar alat komunikasi sebagaimana yang difahami oleh sesetengah kalangan, malahan merupakan jujuk penting dalam pembinaan diri insan dan selanjutnya dalam pembangunan masyarakat dan negara*".

Dalam konteks kajian ini, penyerapan elemen falsafah bahasa dalam Pembelajaran dan Pemudah Cara (PdPc) Bahasa Melayu perlu diketengahkan kepada murid agar dapat melahirkan murid yang bukan sahaja cemerlang dalam aspek sistem bahasa malahan dapat membentuk murid yang berakhlak mulia di peringkat individu dan masyarakat. Kajian yang diusahakan ini bertepatan dengan penegasan yang dikemukakan oleh Shamsul Amri (2014), iaitu perpaduan itu adalah sukar dan mengambil waktu untuk mencapainya.

Justeru, segala usaha yang dilaksanakan hanya boleh membawakan kesepaduan sosial, yang dianggap sebagai tahap sebelum atau prasyarat kepada perpaduan. Dalam tahap ini, banyak

perkara yang mesti diselesaikan kerana terdapat berbagai kontradiksi yang terkandung dalam kesepaduan itu. Usaha-usaha inilah yang bergerak sebagai proses penyatupaduan.

TUJUAN DAN SOALAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan elemen falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional dalam PdPc Bahasa Melayu di Sekolah Kluster Kecemerlangan (Kebitaraan Bahasa Melayu). Berdasarkan tujuan kajian, kajian ini untuk menjawab soalan kajian berikut:

1. Apakah tahap pelaksanaan penyerapan elemen falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional di Sekolah Kluster Kecemerlangan (Kebitaraan Bahasa Melayu)?

KEPENTINGAN KAJIAN

Pada asasnya, kajian terhadap bidang falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional masih belum dilaksanakan. Justeru kajian ini ingin meninjau sejauh mana penyerapan elemen falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional telah dilaksanakan di sekolah yang mempunyai pencapaian cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Selain itu, dapatan kajian ini turut menyumbang maklumat tentang isu-isu yang harus dipertimbangkan dari aspek keperluan, pengetahuan, penerimaan dan kesediaan guru Bahasa Melayu menyerapkan elemen falsafah bahasa dalam PdPc Bahasa Melayu di sekolah-sekolah berkenaan.

Selain itu, diharapkan hasil kajian ini dapat memberikan garis panduan kepada perancang dan penggubal dasar dan kurikulum untuk mengenalpasti aspek-aspek penting yang perlu diberi penekanan untuk memastikan strategi yang diketengahkan dalam kajian ini dapat digabungkan dalam PdPc murid. Ini bermaksud semasa PdPc Bahasa Melayu, murid bukan sahaja belajar aspek pragmatis, iaitu dari aspek perkaedahan dalam pengajaran bahasa malahan mereka dapat diserapkan dengan elemen nasionalis melalui Bahasa Melayu selaku bahasa negara Malaysia.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kutipan data adalah menggunakan soal selidik. Item dalam instrumen ini mempunyai tujuh tema dan 96 elemen setelah melalui tiga pusingan Delphi. Selanjutnya, instrumen tersebut ditadbirkan kepada seramai 310 orang guru Bahasa Melayu di 41 buah Sekolah Kluster Kecemerlangan (Kebitaraan Bahasa Melayu). Penilaian mengenai tahap pelaksanaan penyerapan elemen falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional ini menggunakan skala Likert lima poin.

Sampel Kajian

Instrumen soal selidik telah mencapai kesahan kandungan menerusi kajian Delphi sebanyak tiga sesi pusingan. Kemudiannya, kajian rintis telah dijalankan dengan melibatkan sampel seramai 30 orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di Sekolah Kluster Kecemerlangan di negeri Selangor. Hasil analisis ujian kebolehpercayaan terhadap data rintis menunjukkan nilai alpha cronbach dengan julat antara .863 hingga .995. Ia bertepatan dengan saranan yang dikemukakan oleh Muhammad Faizal (2008), Sekaran (2003), Aron dan Aron (2002) dan Mohd Majid (2000), sesuatu kajian yang baik tidak menerima pakai nilai *Alpha Cronbach* yang rendah, iaitu indeksinya kurang daripada 0.60. Hal ini kerana nilai pekali yang terlalu rendah menunjukkan bahawa tahap keupayaan item instrumen kajian untuk mengukur konsep dalam kajian adalah rendah (Rosnah, 2013; Chua, 2006).

Selepas beberapa pengubahsuaian dari hasil dapatan kajian rintis pengkaji memulakan kajian sebenar ini meliputi 310 orang peserta kajian yang terdiri daripada guru Bahasa Melayu yang mengajar di Sekolah Kluster Kecemerlangan (Kebitaraan Bahasa Melayu) di negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Butiran adalah seperti Jadual 1.

Berdasarkan Jadual 1 pemilihan sampel Sekolah Kluster Kecemerlangan (Kebitaraan Bahasa Melayu) melibatkan proses mendapatkan kelulusan daripada Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Jabatan Pendidikan Negeri

Sembilan dan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang serta pengesahan pengetua dan guru besar bagi setiap sekolah berkaitan. Penekanan pengkaji kepada prinsip etika dalam menjalankan kajian turut dikategorikan sebagai usaha untuk mencapai kebolehpercayaan instrumen kajian.

Jadual 1: Pemilihan sampel Sekolah Kluster Kecemerlangan (Kebitaraan Bahasa Melayu)

Negeri/Jenis SKK	SBP	SMKA/SAM	Kolej Vokasional	SMK	SK
Perak	2	-	-	1	4
Selangor	1	2	-	-	6
Negeri Sembilan	-	1	-	-	8
Pahang	-	-	1	2	13
Jumlah	3	3	1	3	31

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan, KPM (perangkaan statistik sehingga 31 Disember 2015).

Instrumen Kajian

Instrumen soal selidik yang telah dibina berdasarkan gabungan konstruk dalam kerangka model Falsafah Pendidikan Bahasa (Awang Sariyan, 2004; 1997) dan model Falsafah Bahasa (Mohd Rashid Md. Idris, 2012; 2007). Dalam proses membina soalan kajian, penelitian dan kesesuaian konstruk utama dalam kedua-dua model ini diperhalusi oleh pengkaji agar ianya saling melengkapi antara satu sama lain dan bersesuaian dengan aspek yang ingin dikaji. Hasilnya, item soal selidik yang dibina adalah terbahagi kepada enam jangkauan, iaitu:

1. Pengembangan potensi berbahasa kurniaan Tuhan.
2. Pendidikan bahasa sebagai upaya membuat penelitian dan berfikir (pengembangan potensi individu).
3. Pendidikan bahasa sebagai suatu cabang pendidikan umum.
4. Pendidikan bahasa sebagai wahana pewarisan nilai-nilai kehidupan bermasyarakat kepada generasi baharu.
5. Berbahasa mengikut nahunya agar maksud yang hendak disampaikan mencapai objektifnya.
6. Berbahasa untuk menyampaikan maklumat atau fakta yang betul dan benar.

Dalam usaha merealisasikan penyatupaduan nasional melalui Bahasa Melayu, kemasukan beberapa etos Bahasa Melayu telah digunakan dalam kajian ini. Etos Bahasa Melayu ialah kod nilai Bahasa Melayu yang mengawal kehidupan sosial rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum (Teo Kok Seong, 2010; Asmah Omar, 2008). Dalam kajian ini, enam etos diketengahkan untuk memantapkan lagi kerangka teori yang digunakan. Enam etos tersebut ialah:

1. Bahasa Melayu selaku bahasa negara.
2. Bahasa Melayu membentuk jati diri nasional.
3. Bahasa Melayu membentuk semangat patriotisme bangsa.
4. Bahasa Melayu membentuk semangat nasionalisme bangsa.
5. Bahasa Melayu melambangkan maruah bangsa Malaysia.
6. Bahasa Melayu melambangkan imej negara Malaysia.

Keenam-enam etos Bahasa Melayu ini yang menjurus kepada etos nasional mempunyai keselarian dengan prinsip asas falsafah bahasa yang dikemukakan dalam kedua-dua model yang digunakan dalam kajian ini.

Soal selidik ini mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian I melibatkan demografi responden yang mengandungi lima item, Bahagian II terbahagi kepada tujuh tema dan 96 elemen. Tema 1 ialah Konsep (22 elemen), Tema 2 ialah Matlamat (17 elemen), Tema 3 ialah kepentingan (14 elemen), Tema 4 ialah kurikulum (13 elemen), Tema 5 ialah Strategi Pembelajaran Murid (9 elemen), Tema 6 ialah Strategi Pengajaran Guru (10 elemen) dan Tema 7 ialah Pengujian dan Penilaian (11 elemen). Selanjutnya, pandangan peserta kajian mengenai pelaksanaan penyerapan elemen falsafah bahasa untuk penyatupaduan Nasional telah diuji menggunakan skala Likert 5 poin seperti berikut: 5 = Sangat Selalu; 4 = Selalu; 3 = Kadang-kadang; 2 = Jarang-jarang; 1 = Tidak Ada Langsung

Analisis Kajian

Data soal selidik untuk fasa ini dianalisis dengan menggunakan *Program Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 22.0. Proses penganalisan melibatkan kaedah statistik deskriptif yang menggunakan skor min, sisihan

piawai, peratus dan frekuensi. Penggunaan kaedah ini adalah untuk menjawab soalan kajian. Selain itu, untuk tujuan menganalisis tahap pandangan guru Bahasa Melayu terhadap setiap item, Jadual 2 memaparkan tahap pengukuran yang digunakan hasil pengubahsuaian Zulkifli (2012).

Jadual 2: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Tahap (Interpretasi)
1.00 hingga 2.49	Rendah dan tidak memuaskan atau tidak perlu
2.50 hingga 3.79	Sederhana dan agak memuaskan atau agak perlu
3.80 hingga 5.00	Tinggi dan sangat memuaskan atau sangat perlu

DAPATAN KAJIAN

Demografi Peserta Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 310 orang peserta kajian, iaitu guru Bahasa Melayu yang mengajar di Sekolah Kluster Kecemerlangan (Kebitaraan Bahasa Melayu) di negeri Perak, negeri Selangor, negeri Pahang dan Negeri Sembilan. Seramai 115 orang (37.1%) guru lelaki dan 195 orang (62.9%) guru perempuan telah terlibat sebagai peserta kajian. Berdasarkan dapatan ini memperlihatkan bahawa bilangan guru perempuan lebih ramai daripada guru lelaki yang mengajar Bahasa Melayu di SKK (Kebitaraan Bahasa Melayu).

Penglibatan peserta kajian berbangsa Melayu merupakan majoriti peserta kajian tinjauan, iaitu seramai 302 orang (97.4%), peserta kajian berbangsa Cina adalah seramai empat orang (1.3%), dan peserta kajian berbangsa India pula hanya seramai tiga orang (1.0%). Selebihnya, peserta kajian berbangsa lain-lain seramai seorang (0.3%). Dapatan ini memberikan gambaran umum bahawa kepercayaan pentadbiran sekolah terhadap guru berbangsa Melayu lebih terserlah untuk mengajar subjek Bahasa Melayu di Sekolah Kluster Kecemerlangan (Kebitaraan Bahasa Melayu).

Seramai 139 orang (44.8 %) peserta kajian berumur antara 36 hingga 45 tahun. Peserta kajian yang berumur antara 26 hingga 35 tahun adalah seramai 111 orang (35.8%). Peserta kajian yang berumur melebihi 45 tahun seramai 59 orang (19.0 %). Baki seorang (0.3 %) peserta kajian berumur 25 tahun dan ke bawah. Daripada data yang

dikemukakan ini dapatlah dinyatakan bahawa guru Bahasa Melayu pada peringkat umur 36 hingga 45 tahun menunjukkan bilangan yang ramai diikuti guru Bahasa Melayu pada peringkat umur antara 26 hingga 35 tahun.

Dari aspek kelayakan akademik, pemegang ijazah pertama berjumlah 307 orang (99.0%), hanya tiga orang (1.0%) guru memiliki Ijazah Sarjana. Berdasarkan dapatan ini memberikan gambaran umum bahawa guru Bahasa Melayu di Sekolah Kluster Kecemerlangan (Kebitaraan Bahasa Melayu) mempunyai kelayakan akademik minimum pada peringkat ijazah pertama.

Terakhir ialah berkaitan pengalaman mengajar Bahasa Melayu. Seramai 102 orang (32.9%) berpengalaman mengajar Bahasa Melayu antara 16 hingga 20 tahun, dan bilangan ini adalah jumlah yang tertinggi. Seramai 91 orang (29.4%) guru Bahasa Melayu mempunyai pengalaman mengajar melebihi 20 tahun, 52 orang (16.8%) mempunyai pengalaman mengajar 11 hingga 15 tahun. Seterusnya, 32 orang (10.3%) berpengalaman mengajar antara enam hingga 10 tahun. Selebihnya, 33 orang (10.6%) merupakan guru Bahasa Melayu yang berpengalaman mengajar antara dua hingga lima tahun.

Jadual 3: Profil peserta kajian tinjauan berdasarkan jantina, bangsa, umur, kelayakan akademik dan pengalaman mengajar Bahasa Melayu

Item	Perincian	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	115	37.1
	Perempuan	195	62.9
	Melayu	302	97.4
Bangsa	Cina	4	1.3
	India	3	1.0
	Lain-lain	1	0.3
	25 tahun ke bawah	1	0.3
Umur	26 hingga 35	111	35.8
	36 hingga 45	139	44.8
	Lebih 45	59	19.1
Kelayakan Akademik	Sarjana	3	1.0
	Ijazah Pertama	307	99.0
Pengalaman Mengajar	2 hingga 5	33	10.6
	6 hingga 10	32	10.3
	11 hingga 15	52	16.8
Bahasa Melayu (Tahun)	16 hingga 20	102	32.9
	Lebih 20	91	29.4
Jumlah		310	100.0

Tahap Pelaksanaan Elemen Konsep Falsafah Bahasa untuk Penyatupaduan Nasional

Jadual 4 membincangkan analisis data terhadap tahap pelaksanaan elemen konsep falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional. Dapatan keseluruhan berkaitan tahap pelaksanaan elemen konsep falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional di SKK (Kebitaraan Bahasa Melayu) berada pada tahap pelaksanaan yang tinggi dan interpretasi memuaskan dalam kalangan peserta kajian. Keadaan ini dapat dilihat melalui skor min 4.45 dan sisihan piawai 0.51.

Dapatan kajian yang berkaitan dengan pelaksanaan elemen “kemahiran bahasa merupakan asas kepada seseorang itu untuk menggunakan bahasa dengan baik dan berkesan” (item 4) dan pelaksanaan elemen “pengetahuan bahasa merupakan asas kepada seseorang itu untuk menggunakan bahasa dengan baik dan berkesan” (item 6) adalah selari dengan prinsip asas falsafah bahasa keempat (pendidikan bahasa sebagai wahana pewarisan nilai-nilai kehidupan bermasyarakat kepada generasi baharu) dan prinsip asas falsafah bahasa kelima (berbahasa mengikut nahu agar makna yang hendak disampaikan mencapai objektifnya) serta prinsip asas falsafah bahasa keenam (berbahasa untuk menyampaikan maklumat atau fakta yang betul dan benar). Dalam konteks ini keperluan pengetahuan, kemahiran dan penguasaan satu bahasa yang dikongsi bersama dalam sesebuah negara mampu untuk menyatupadukan rakyatnya selain mempamerkan jati diri nasional.

Dapatan kajian yang berkaitan dengan pelaksanaan elemen “memupuk perkembangan minda patriotik dalam masyarakat berbilang kaum agar dapat merealisasikan gagasan pembinaan negara” (item 12) dan elemen “mengorientasikan pemikiran seseorang individu untuk mementingkan penyatupaduan nasional” (item 21) adalah selari dengan prinsip asas falsafah bahasa kedua (pendidikan bahasa sebagai upaya membuat penelitian dan berfikir (pembangunan potensi individu), prinsip asas falsafah bahasa ketiga (pendidikan bahasa sebagai suatu cabang pendidikan umum) dan prinsip asas falsafah bahasa keempat (pendidikan bahasa sebagai wahana pewarisan nilai-nilai kehidupan bermasyarakat kepada generasi baharu).

Kedua-dua elemen ini turut selari dengan etos Bahasa Melayu yang ketiga (Bahasa Melayu membentuk semangat patriotisme bangsa). Dalam konteks ini, Bahasa Melayu ialah satu-satunya bahasa kebangsaan yang merupakan milik bersama dan wujudnya sikap emosional terhadap bahasa kebangsaan apabila rakyatnya mampu menjiwai bahawa Bahasa Melayu itulah bahasanya seiring dengan penjiwaan Malaysia itu adalah negaranya. Apabila wujudnya rasa kecintaan yang ikhlas terhadap bahasa negara pastinya usaha penyatupaduan nasional dapat direalisasikan.

Jadual 4: Tahap pelaksanaan elemen konsep falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional

Item	Elemen Konsep Falsafah Bahasa	Min	S.P	Tahap/Interprestasi
1	Hakikat adanya kaitan yang erat antara fikiran dengan bahasa, iaitu fikiran sebagai kandungan bahasa dan bahasa sebagai wahana fikiran.	4.20	0.56	Tinggi/Memuaskan
2	Bahasa merupakan fenomena sosial untuk menghubungkan satu masyarakat bahasa.	4.47	0.80	Tinggi/Memuaskan
3	Mempunyai keselarian dengan prinsip dalam Rukun Negara, iaitu kepercayaan kepada Tuhan.	4.81	0.41	Tinggi/Memuaskan
4	Kemahiran bahasa merupakan asas kepada seseorang itu untuk menggunakan bahasa dengan baik dan berkesan.	4.54	0.69	Tinggi/Memuaskan
5	Bahasa merupakan unsur penting dalam falsafah pembangunan masyarakat dan negara	4.81	0.41	Tinggi/Memuaskan
6	Pengetahuan bahasa merupakan asas kepada seseorang itu untuk menggunakan bahasa dengan baik dan berkesan.	4.36	0.67	Tinggi/Memuaskan
7	Bahasa merupakan unsur penting dalam falsafah pembinaan diri insan.	4.59	0.50	Tinggi/Memuaskan
8	Jati diri kebangsaan yang menggunakan simbol dan proses sosiobudaya Melayu wajib didukung oleh semua warganegara Malaysia.	4.47	0.95	Tinggi/Memuaskan
9	Falsafah bahasa dalam pendidikan bahasa dan penggabungalinannya ialah satu aspek terpenting.	4.59	0.50	Tinggi/Memuaskan
10	Penguasaan bahasa juga bermaksud penguasaan ilmu lain melalui kaedah penyerapan ilmu.	4.37	0.67	Tinggi/Memuaskan
11	Pengetahuan antara budaya merupakan prasyarat untuk interaksi antara satu sama lain yang berkesan dalam masyarakat.	4.46	0.86	Tinggi/Memuaskan
12	Memupuk perkembangan minda patriotik dalam masyarakat	4.36	0.67	Tinggi/Memuaskan

	berbilang kaum agar dapat merealisasikan gagasan pembinaan negara.				
13	Bahasa Melayu ialah simbol kepada tradisi orang Melayu dan rakyat Malaysia.	4.56	0.68	Tinggi/ Memuaskan	
14	Menganjurkan gagasan Bahasa Melayu selaku bahasa negara adalah sesuai berbanding dengan bahasa lain.	4.31	0.66	Tinggi/ Memuaskan	
15	Bahasa berperanan dalam mempengaruhi cara hidup individu.	4.53	0.51	Tinggi/ Memuaskan	
16	Potensi berbahasa merupakan kurniaan Tuhan yang perlu dihargai untuk memupuk persefahaman antara pelbagai etnik.	4.46	0.51	Tinggi/ Memuaskan	
17	Setiap individu menggunakan bahasa untuk menyampaikan fakta yang betul dan sah.	4.27	0.77	Tinggi/ Memuaskan	
18	Pendidikan bahasa bermatlamat membentuk rakyat Malaysia yang berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri.	4.37	0.67	Tinggi/ Memuaskan	
19	Pemupukan konsep Bahasa Melayu selaku bahasa negara dijalankan dengan lebih bersepadu dan menyeluruh	4.33	0.66	Tinggi/ Memuaskan	
20	Bahasa Melayu mempunyai kaitan yang erat dengan sejarah dan aspirasi negara.	4.38	0.68	Tinggi/ Memuaskan	
21	Mengorientasikan pemikiran seseorang individu untuk mementingkan penyatupaduan nasional.	4.59	0.65	Tinggi/ Memuaskan	
22	Menitikberatkan usaha memperkembangkan potensi murid selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.	4.40	0.68	Tinggi/ Memuaskan	
Keseluruhan		4.45	0.51	Tinggi/ Memuaskan	

Tahap Pelaksanaan Elemen Matlamat Falsafah Bahasa untuk Penyatupaduan Nasional

Dapatan keseluruhan berkaitan tahap pelaksanaan elemen matlamat falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional di SKK (Kebitaraan Bahasa Melayu) berada pada tahap pelaksanaan yang tinggi dan interpretasi memuaskan dalam kalangan peserta kajian. Hal ini dapat dilihat melalui skor min 4.60 dan sisihan piawai 0.40.

Dapatan kajian yang berkaitan dengan pelaksanaan elemen “*Bahasa Melayu merupakan bahasa yang dapat membentuk semangat kekitaan (esprit de corps) masyarakat penuturnya*” (item 4); elemen “*memupuk kesedaran kepada masyarakat bahawa penguasaan bahasa negara akan mewujudkan citra kemalaysiaan*” (item 8) dan elemen “*menyemai perasaan masa depan*

sepunya yang dikongsi bersama dalam kalangan masyarakat” (item 11) adalah selari dengan prinsip asas falsafah bahasa ketiga (pendidikan bahasa sebagai suatu cabang pendidikan umum) dan prinsip asas falsafah bahasa keempat (pendidikan bahasa sebagai wahana pewarisan nilai-nilai kehidupan bermasyarakat kepada generasi baharu).

Ketiga-tiga elemen ini turut berkait secara langsung dengan etos Bahasa Melayu pertama (Bahasa Melayu selaku bahasa negara) dan etos Bahasa Melayu kedua (Bahasa Melayu membentuk jati diri nasional). Dalam konteks ini peserta kajian yang merupakan guru Bahasa Melayu mengakui bahawa Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan merupakan asas jati diri, maruah, memupuk perasaan kekitaan dan semangat perpaduan dan solidariti negara bangsa.

Jadual 5: Tahap pelaksanaan elemen matlamat falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional

Item	Elemen Konsep Falsafah Bahasa	Min	S.P	Tahap/Interprestasi
1	Pembangunan kognitif, iaitu meningkatkan kesedaran terhadap peri pentingnya penguasaan Bahasa Melayu.	4.54	0.65	Tinggi/ Memuaskan
2	Memupuk dan membudayakan nilai dan semangat patriotisme terhadap negara.	4.55	0.51	Tinggi/ Memuaskan
3	Memupuk dan membudayakan nilai nasionalisme terhadap negara.	4.71	0.45	Tinggi/ Memuaskan
4	Bahasa Melayu merupakan bahasa yang dapat membentuk semangat kekitaan (<i>esprit de corps</i>) masyarakat penuturnya	4.51	0.65	Tinggi/ Memuaskan
5	Memperluas penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan.	4.68	0.47	Tinggi/ Memuaskan
6	Bahasa Melayu telah membuktikan kegemilangannya sebagai bahasa ‘ <i>lingua franca</i> ’ untuk menyatupadukan masyarakat penutur.	4.59	0.49	Tinggi/ Memuaskan
7	Melahirkan individu yang mempunyai rasa setia terhadap Bahasa Melayu sebaga bahasa negara.	4.58	0.50	Tinggi/ Memuaskan
8	Memupuk kesedaran kepada masyarakat bahawa penguasaan bahasa negara akan mewujudkan citra kemalaysiaan.	4.68	0.47	Tinggi/ Memuaskan

9	Setiap bangsa perlu mempunyai bahasanya sendiri untuk bertaaruf atau berkenal-kenalan.	4.69	0.46	Tinggi/ Memuaskan
10	Bahasa Melayu diupayakan sebagai wahana penyampaian polisi untuk penyatu-paduan nasional.	4.74	0.44	Tinggi/ Memuaskan
11	Menyemai perasaan masa depan supaya yang dikongsi bersama dalam kalangan masyarakat.	4.34	0.75	Tinggi/ Memuaskan
12	Memupuk sikap agar lebih menghormati budaya kaum lain.	4.48	0.54	Tinggi/ Memuaskan
13	Bahasa Melayu dijadikan sebagai wahana untuk mewujudkan persamaan antara etnik.	4.67	0.47	Tinggi/ Memuaskan
14	Unsur linguistik nasionalis diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.	4.74	0.44	Tinggi/ Memuaskan
15	Membina individu murid yang mempunyai kesantunan berbahasa yang baik untuk negara	4.63	0.60	Tinggi/ Memuaskan
16	Bahasa yang digunakan mematuhi sistem bahasa agar mesej yang disampaikan itu difahami untuk mengelakkan perselisihan faham antara etnik.	4.69	0.47	Tinggi/ Memuaskan
17	Menyemai rasa keinsafan tentang sejarah perjuangan menuntut kemerdekaan negara.	4.58	0.49	Tinggi/ Memuaskan
Keseluruhan		4.60	0.40	Tinggi/ Memuaskan

Tahap Pelaksanaan Elemen Kepentingan Falsafah Bahasa untuk Penyatupaduan Nasional

Dapatan keseluruhan berkaitan tahap pelaksanaan elemen kepentingan falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional di SKK (Kebitaraan Bahasa Melayu) berada pada tahap pelaksanaan yang tinggi dan interpretasi memuaskan dalam kalangan peserta kajian. Hal ini dapat dilihat melalui skor min 4.63 dan sisihan piawai 0.39.

Dapatan kajian yang berkaitan dengan pelaksanaan elemen “*pembinaan suatu kerangka Falsafah Pendidikan Bahasa bagi Bahasa Melayu sebagai bahasa negara*” (item 1) dan elemen “*memperkuhkan rasa hormat dan kepatuhan kepada Perlembagaan Malaysia*” (item 4) adalah selari dengan prinsip asas falsafah bahasa ketiga (pendidikan bahasa sebagai suatu cabang pendidikan umum). Dapatan ini juga selari dengan etos Bahasa Melayu pertama (Bahasa Melayu

selaku bahasa negara) dan etos Bahasa Melayu kedua (Bahasa Melayu membentuk jati diri nasional).

Di samping itu, dapatan ini juga telah membuktikan senarai pakar yang berwibawa dan guru Bahasa Melayu di SKK (Kebitaraan Bahasa Melayu) bersetuju terhadap perkembangan Bahasa Melayu dalam hubungannya dengan pembinaan bangsa dan negara bukan sekadar memfokuskan aspek perkembangan sistem bahasa semata-mata, malah ia berkait secara langsung dengan asas jati diri bangsa dan negara.

Jadual 6: Tahap pelaksanaan elemen kepentingan falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional

Item	Elemen Konsep Falsafah Bahasa	Min	S.P	Tahap/Interprestasi
1	Pembinaan suatu kerangka Falsafah Pendidikan Bahasa bagi Bahasa Melayu sebagai bahasa negara	4.69	0.46	Tinggi/ Memuaskan
2	Memberikan kesedaran kepada pemerintah tentang kepentingan Bahasa Melayu sebagai bahasa penyatupaduan nasional.	4.71	0.46	Tinggi/ Memuaskan
3	Menyediakan murid yang mampu memajukan diri melalui penguasaan kemahiran berBahasa Melayu yang baik.	4.63	0.48	Tinggi/ Memuaskan
4	Memperkuhkan rasa hormat dan kepatuhan kepada Perlembagaan Malaysia.	4.50	0.50	Tinggi/ Memuaskan
5	Membina rasa hormat dan menyanjung tinggi Bahasa Melayu sebagai bahasa negara.	4.50	0.50	Tinggi/ Memuaskan
6	Operasi badan perancang bahasa dipergiat untuk membangunkan sumber kebahasaan dengan mengaitkannya dengan usaha penyatupaduan nasional.	4.60	0.49	Tinggi/ Memuaskan
7	Penyemaian adab sebagai prasyarat untuk melahirkan murid yang berbudi bahasa.	4.61	0.49	Tinggi/ Memuaskan
8	Menyedarkan setiap murid bahawa bahasa sebagai cerminan akal budi bangsa.	4.65	0.48	Tinggi/ Memuaskan
9	Melahirkan “nasionalisme bahasa” yang menjadi asas penting dalam pembentukan konsep kenegaraan.	4.61	0.49	Tinggi/ Memuaskan
10	Menyedarkan setiap murid bahawa bahasa penting untuk semua kegiatan dan aspirasi negara.	4.66	0.47	Tinggi/ Memuaskan
11	Memupuk amalan keindahan berbahasa dalam masyarakat pelbagai etnik.	4.66	0.48	Tinggi/ Memuaskan

12	Mengatasi masalah tanggapan negatif dan salah faham dalam kalangan murid.	4.61	0.49	Tinggi/ Memuaskan
13	Wacana tertutup untuk membina persefahaman antara kaum yang berlainan budaya dan agama.	4.65	0.48	Tinggi/ Memuaskan
14	Membentuk murid yang memastikan bahasa yang keluar hasil tapisan akal fikirannya.	4.72	0.45	Tinggi/ Memuaskan
Keseluruhan		4.63	0.39	Tinggi/ Memuaskan

Tahap Pelaksanaan Elemen Kurikulum Falsafah Bahasa untuk Penyatupaduan Nasional

Dapatan keseluruhan berkaitan tahap pelaksanaan elemen kurikulum falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional di SKK (Kebitaraan Bahasa Melayu) berada pada tahap pelaksanaan yang tinggi dan interpretasi memuaskan dalam kalangan peserta kajian. Ini dapat dilihat melalui skor min 4.63 dan sisihan piawai 0.41.

Dapatan kajian yang berkaitan dengan pelaksanaan elemen "*memberikan kemahiran tentang kehidupan masyarakat pelbagai etnik yang menghormati antara satu sama lain*" (item 2) dan elemen "*menekankan titik persamaan yang sepunya dan universal antara murid pelbagai etnik*" (item 7) adalah selari dengan prinsip asas falsafah bahasa ketiga (pendidikan bahasa sebagai suatu cabang pendidikan umum) dan prinsip asas falsafah bahasa keempat (pendidikan bahasa sebagai wahana pewarisan nilai-nilai kehidupan bermasyarakat kepada generasi baharu). Dalam konteks ini, Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu mampu membentuk perpaduan melalui sistem pendidikan. Buktinya, timbul kesedaran dalam kalangan ibu bapa yang bukan Melayu untuk menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan, sekaligus mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

Dapatan kajian yang berkaitan dengan pelaksanaan elemen "*menitikberatkan persoalan kesetiaan terhadap Bahasa Melayu*" (item 11); elemen "*memberikan pengetahuan kepada murid bahawa penggunaan Bahasa Melayu yang baik melambangkan imej sesebuah negara*" (item 4) dan elemen "*menjadikan murid lebih peka terhadap bahaya yang timbul akibat penggunaan bahasa yang tiada kesantunan*" (item 12) adalah selari dengan prinsip asas falsafah bahasa ketiga

(pendidikan bahasa sebagai suatu cabang pendidikan umum), prinsip asas falsafah bahasa keempat (pendidikan bahasa sebagai wahana pewarisan nilai-nilai kehidupan bermasyarakat kepada generasi baharu) dan prinsip asas falsafah bahasa kelima (berbahasa mengikut nahu agar makna yang hendak disampaikan mencapai objektifnya).

Elemen ini turut selari dengan etos Bahasa Melayu pertama (Bahasa Melayu selaku bahasa negara) dan etos Bahasa Melayu keenam (Bahasa Melayu melambangkan imej negara Malaysia). Dalam konteks setia dan santun bahasa, program pembinaan imej (perlu diadakan. Imej bahasa yang diperlukan ialah imej kewibawaan dengan memberi tumpuan kepada imej saintifik atau imej ilmu, imej kesusasteraan tinggi, imej profesional dan imej budaya tinggi.

Jadual 7: Tahap pelaksanaan elemen kurikulum falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional

Item	Elemen Konsep Falsafah Bahasa	Min	S.P	Tahap/Interprestasi
1	Menumpukan perhatian kepada aspek hakikat bahasa.	4.61	0.49	Tinggi/ Memuaskan
2	Memberikan kemahiran tentang kehidupan masyarakat pelbagai etnik yang menghormati antara satu sama lain.	4.76	0.43	Tinggi/ Memuaskan
3	Pendidikan bahasa sebagai suatu cabang pendidikan umum	4.61	0.49	Tinggi/ Memuaskan
4	Memberikan pengetahuan kepada murid bahawa penggunaan Bahasa Melayu yang baik melambangkan imej sesebuah negara.	4.67	0.47	Tinggi/ Memuaskan
5	Mempunyai keselarian dengan Perkara 152 dalam Perlembagaan Malaysia	4.63	0.48	Tinggi/ Memuaskan
6	Berlandaskan prinsip pertama Rukun Negara iaitu kepercayaan kepada Tuhan.	4.76	0.43	Tinggi/ Memuaskan
7	Menekankan titik persamaan yang sepunya dan universal antara murid pelbagai etnik.	4.67	0.47	Tinggi/ Memuaskan
8	Diketengahkan melalui kaedah penyerapan ke dalam subjek Bahasa Melayu.	4.61	0.49	Tinggi/ Memuaskan
9	Menekankan aspek pengembangan potensi berbahasa untuk mensejahterakan alam.	4.60	0.49	Tinggi/ Memuaskan
10	Mengambil kira perkembangan potensi individu berasaskan perkembangan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS).	4.61	0.49	Tinggi/ Memuaskan
11	Menitikberatkan persoalan kesetiaan terhadap Bahasa	4.69	0.46	Tinggi/ Memuaskan

12	Melayu (<i>language loyalty</i>). Menjadikan murid lebih peka terhadap bahaya yang timbul akibat penggunaan bahasa yang tiada kesantunan.	4.60	0.49	Tinggi/ Memuaskan
13	Menekankan usaha “pemanusiaan manusia”.	4.61	0.49	Tinggi/ Memuaskan
Keseluruhan		4.63	0.41	Tinggi/ Memuaskan

Tahap Pelaksanaan Elemen Strategi Pembelajaran Murid dalam Pendidikan Falsafah Bahasa Untuk Penyatupaduan Nasional

Dapatan keseluruhan berkaitan pelaksanaan elemen strategi pembelajaran murid dalam pendidikan falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional di SKK (Kebitaraan Bahasa Melayu) berada pada tahap pelaksanaan yang tinggi dan interpretasi memuaskan dalam kalangan peserta kajian. Hal ini dapat dilihat melalui skor min 4.67 dan sisihan piawai 0.37.

Dapatan kajian yang berkaitan dengan pelaksanaan elemen “*murid sentiasa diterapkan nilai kesyukuran kepada Tuhan yang menganugerahkan bahasa*” (item 2) adalah selari dengan prinsip asas falsafah bahasa yang pertama (pengembangan potensi berbahasa kurniaan Tuhan), prinsip asas falsafah bahasa kedua (pendidikan bahasa sebagai upaya membuat penelitian dan berfikir (pengembangan potensi individu) dan prinsip asas falsafah bahasa ketiga (pendidikan bahasa sebagai suatu cabang pendidikan umum). Justeru, sebagai makhluk ciptaan Tuhan yang dianugerahkan bahasa setiap individu harus menghargainya dengan sebaiknya. Dalam hal ini, perselisihan yang wujud perlu diselesaikan dengan adab dan etika demi memastikan hakikat penciptaan manusia di dunia sebagai khalifah untuk memakmurkan dunia dapat dilaksanakan.

Dapatan kajian yang berkaitan dengan pelaksanaan elemen “*menitikberatkan aspek penghayatan budaya sesuatu kaum*” (item 7); elemen “*menekankan proses sosialisasi yang baik antara murid pelbagai etnik*” (item 8) dan elemen “*penyerapan nilai kewarganegaraan yang terpuji dalam kalangan murid*” (item 9) adalah selari dengan prinsip asas falsafah bahasa ketiga (pendidikan bahasa sebagai suatu cabang pendidikan umum) dan prinsip asas falsafah bahasa keempat (pendidikan bahasa sebagai

wahana pewarisan nilai-nilai kehidupan bermasyarakat kepada generasi baharu). Elemen ini juga selari dengan etos Bahasa Melayu kedua, iaitu Bahasa Melayu membentuk jati diri nasional. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa asimilasi budaya melalui bahasa kebangsaan membolehkan bangsa Malaysia membina semangat dan wawasan baru sebagai satu bangsa yang maju dan berdaulat.

Jadual 8: Pelaksanaan elemen strategi pembelajaran murid dalam pendidikan falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional

I Item	Elemen Konsep Falsafah Bahasa	Min	S.P	Tahap/Interprestasi
1	Aspek adab semasa berkomunikasi ditegaskan.	4.76	0.43	Tinggi/ Memuaskan
2	Murid sentiasa diterapkan nilai kesyukuran kepada Tuhan yang menganugerahkan bahasa.	4.70	0.46	Tinggi/ Memuaskan
3	Menyuburkan perasaan megah murid menggunakan Bahasa Melayu dalam komunikasi.	4.76	0.43	Tinggi/ Memuaskan
4	Mendedahkan murid dengan kemahiran berfikir secara kritis.	4.58	0.49	Tinggi/ Memuaskan
5	Pemupukan rasa hormat terhadap Bahasa Melayu sebagai bahasa negara yang melambangkan maruah bangsa Malaysia.	4.73	0.45	Tinggi/ Memuaskan
6	Memberikan penekanan kepada aspek keterampilan berkomunikasi.	4.62	0.49	Tinggi/ Memuaskan
7	Menitikberatkan aspek penghayatan budaya sesuatu kaum.	4.70	0.47	Tinggi/ Memuaskan
8	Menekankan proses sosialisasi yang baik antara murid pelbagai etnik.	4.64	0.48	Tinggi/ Memuaskan
9	Penyerapan nilai kewarganegaraan yang terpuji dalam kalangan murid.	4.55	0.50	Tinggi/ Memuaskan
Keseluruhan		4.67	0.37	Tinggi/ Memuaskan

Tahap Pelaksanaan Elemen Strategi Pengajaran Guru dalam Pendidikan Falsafah Bahasa Untuk Penyatupaduan Nasional

Dapatan keseluruhan berkaitan pelaksanaan elemen strategi pengajaran guru dalam pendidikan falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional di SKK (Kebitaraan Bahasa Melayu) berada pada tahap pelaksanaan yang tinggi dan interpretasi memuaskan dalam kalangan peserta kajian. Hal ini dapat dilihat melalui skor min 4.53 dan sisihan piawai 0.39.

Dapatan kajian yang berkaitan dengan pelaksanaan elemen “*sentiasa mengingatkan kepada murid bahawa bahasa Inggeris penting sebagai bahasa ilmu dan bukan untuk menjadi penutur jati bahasa tersebut*” (item 6) adalah selari dengan prinsip asas falsafah bahasa kedua (pendidikan bahasa sebagai upaya membuat penelitian dan berfikir (pengembangan potensi individu), prinsip asas falsafah bahasa ketiga (pendidikan bahasa sebagai suatu cabang pendidikan umum) dan prinsip asas falsafah bahasa keempat (pendidikan bahasa sebagai wahana pewarisan nilai-nilai kehidupan bermasyarakat kepada generasi baharu). Elemen ini turut berkait secara langsung dengan etos Bahasa Melayu pertama (Bahasa Melayu selaku bahasa negara) dan etos Bahasa Melayu kedua (Bahasa Melayu membentuk jati diri nasional).

Dapatan kajian ini telah memperkukuhkan lagi dapatan fasa reka bentuk. Dalam konteks ini, persoalan bahasa Inggeris perlulah berdasarkan pendekatan ‘*menang-menang*’, iaitu Bahasa Melayu untuk tujuan maruah bangsa dan jati diri, bahasa Inggeris untuk tujuan menimba ilmu dan perhubungan dengan dunia luar.

Jadual 9: Pelaksanaan elemen strategi pengajaran guru dalam pendidikan falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional

Item	Elemen Konsep Falsafah Bahasa	Min	S.P	Tahap/Interprestasi
1	Merancang pengajaran yang mempamerkan jati diri Malaysia.	4.46	0.51	Tinggi/Memuaskan
2	Membuat rancangan mengajar tahunan yang memasukkan unsur pendekatan bersepadu secara terancang dan berterusan.	4.47	0.50	Tinggi/Memuaskan
3	Membuat rancangan mengajar harian yang memuatkan unsur pendekatan bersepadu secara terancang dan berterusan.	4.52	0.51	Tinggi/Memuaskan
4	Menghindarkan bahan pengajaran yang berunsur rasis sama ada secara eksplisit atau implisit.	4.60	0.49	Tinggi/Memuaskan
5	Merancang satu perdebatan sihat antara murid pelbagai etnik dengan menggunakan Bahasa Melayu yang santun.	4.56	0.50	Tinggi/Memuaskan
6	Sentiasa mengingatkan kepada murid bahawa bahasa Inggeris penting sebagai bahasa ilmu dan bukan untuk menjadi penutur jati bahasa	4.56	0.50	Tinggi/Memuaskan

7	tersebut. Memilih bahan rangsangan yang sarat nilai penyatupaduan nasional.	4.65	0.48	Tinggi/Memuaskan
8	Sentiasa mengingatkan murid untuk menanam rasa cinta ikhlas kepada Bahasa Melayu.	4.45	0.50	Tinggi/Memuaskan
9	Memperoleh maklumat dan fakta yang tepat semasa proses pengajaran Bahasa Melayu.	4.53	0.50	Tinggi/Memuaskan
10	Memberikan perhatian kepada aspek penyerapan ilmu dan nilai sama seperti perancangan strategi pengajaran sistem bahasa dan kemahiran bahasa.	4.60	0.49	Tinggi/Memuaskan
Keseluruhan		4.53	0.39	Tinggi/Memuaskan

Tahap Pelaksanaan Elemen Pengujian dan Penilaian dalam Pendidikan Falsafah Bahasa Untuk Penyatupaduan Nasional

Jadual 10 menunjukkan 11 elemen berkaitan pengujian dan penilaian dalam pendidikan falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional di SKK (Kebitaraan Bahasa Melayu) berada pada tahap pelaksanaan yang tinggi. Hal ini ditunjukkan melalui min keseluruhan, iaitu 4.45 dan sisihan piawai 0.41. Dapatan tersebut menggambarkan elemen pengujian dan penilaian dalam pendidikan falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional telah dilaksanakan dengan memuaskan di SKK (Kebitaraan Bahasa Melayu).

Dapatan kajian yang berkaitan dengan pelaksanaan elemen “*pemilihan dan penyediaan bahan yang bersesuaian untuk tujuan penyatupaduan nasional*” (item 1); elemen “*murid diuji dan dinilai melalui subtopik falsafah bahasa yang diketengahkan dalam ujian Bahasa Melayu yang standard*” (item 9) dan elemen “*bertindak sebagai motivasi ekstrinsik kepada murid untuk mengaplikasikan apa yang telah dipelajari dalam kehidupan*” (item 10) adalah selari dengan prinsip asas falsafah bahasa kedua (pendidikan bahasa sebagai upaya membuat penelitian dan berfikir (pengembangan potensi individu), prinsip asas falsafah bahasa ketiga (pendidikan bahasa sebagai suatu cabang pendidikan umum) dan prinsip asas falsafah bahasa keempat (pendidikan bahasa sebagai wahana pewarisan nilai-nilai kehidupan bermasyarakat kepada generasi baharu).

Pada keseluruhan, pelaksanaan penilaian dalam pendidikan adalah untuk mendapatkan

maklum balas berkaitan pencapaian murid terhadap hasil pembelajaran yang telah ditetapkan sebelum PdPc dilaksanakan. Selain itu, ia bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan kaedah dan pendekatan PdPc digunakan oleh guru terhadap murid-murid.

Jadual 10: Pelaksanaan elemen pengujian dan penilaian dalam pendidikan falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional

Item	Elemen Konsep Falsafah Bahasa	Min	S.P	Tahap/Inter-pretasi
1	Pemilihan dan penyediaan bahan yang bersesuaian untuk tujuan penyatupaduan nasional.	4.48	0.50	Tinggi/Memuaskan
2	Aspek kognitif harus dilengkapkan dengan aspek afektif.	4.48	0.50	Tinggi/Memuaskan
3	Penilaian berdasarkan pemerhatian berterusan terhadap pencapaian murid dalam mengaplikasikan nilai murni dalam pembelajaran Bahasa Melayu.	4.39	0.50	Tinggi/Memuaskan
4	Proses penilaian yang sistematik dilakukan untuk mendapatkan maklum balas daripada guru tentang masalah yang dihadapi murid dalam pembelajaran.	4.38	0.64	Tinggi/Memuaskan
5	Memberi keutamaan kepada penghasilan karya yang mengetengahkan nilai penyatupaduan nasional.	4.38	0.64	Tinggi/Memuaskan
6	Pengujian dan penilaian yang seimbang dari segi penguasaan sistem bahasa dan pembinaan sahsiah diri.	4.48	0.51	Tinggi/Memuaskan
7	Item pengujian dan penilaian yang bersesuaian dan relevan kepada semua murid yang berbeza latar belakang budaya dan etnik.	4.53	0.50	Tinggi/Memuaskan
8	Proses menentukan perubahan tingkah laku murid melalui pertimbangan nilai yang dipelajari.	4.25	0.60	Tinggi/Memuaskan
9	Murid diuji dan dinilai melalui subtopik falsafah bahasa yang diketengahkan dalam ujian Bahasa Melayu yang standard.	4.59	0.49	Tinggi/Memuaskan
10	Bertindak sebagai motivasi ekstrinsik kepada murid untuk mengaplikasikan apa yang telah dipelajari dalam kehidupan.	4.39	0.64	Tinggi/Memuaskan
11	Memberi fokus kepada perdebatan yang bersifat ilmiah dan bertatasusila.	4.57	0.50	Tinggi/Memuaskan
Keseluruhan		4.45	0.41	Tinggi/Memuaskan

PERBINCANGAN

Dalam konteks pendidikan bahasa, falsafah melihat matlamat dan PdPc bahasa sebagai satu usaha untuk membentuk konsep diri insan, pengilmuan individu dan masyarakat, proses pewarisan nilai serta tamadun yang menjadi inti pati utama bidang Falsafah Bahasa. Bermula pada tahun 1997 apabila gagasan idealisme falsafah pendidikan bahasa ini diketengahkan melalui kajian dan dilanjutkan pada tahun 2010 (Awang Sariyan, 1997; Mohd Rashid & Abu Hassan 2010), iaitu hampir 20 tahun lamanya pengemuka bidang falsafah bahasa memperjuangkan inti pati yang terkandung dalam falsafah bahasa untuk difahami oleh pembuat dasar dan pelaksana dasar.

Kini, pada tahun 2017 dengan lahirnya Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) membuktikan bahawa pembuat dasar memahami dan menyedari kepentingan elemen falsafah bahasa yang mendasari aspek pragmatis dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Justeru, kajian ini dijalankan bertepatan dengan keperluan semasa dan usaha selanjutnya harus difokuskan kepada pelaksana dasar, iaitu guru Bahasa Melayu. Dalam usaha memberi kefahaman yang lebih jitu terhadap peranan falsafah bahasa dalam PdPc Bahasa Melayu, pengkaji memperluaskan skop kajian untuk membuktikan keperluan terhadap pelaksanaan penyerapan elemen falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional melalui kajian reka bentuk dan pembangunan.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan penyerapan elemen falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional dalam PdPc Bahasa Melayu di Sekolah Kluster Kecemerlangan (Kebitaraan Bahasa Melayu) adalah tinggi. Berdasarkan hasil kajian, sebanyak 96 elemen yang dibentuk melalui dapatan kajian Delphi berada dalam kategori tahap pelaksanaan tinggi di Sekolah Kluster Kecemerlangan (Kebitaraan Bahasa Melayu).

Dapatan kajian ini memperluaskan skop kajian sedia ada yang hanya bersifat persepsi guru Bahasa Melayu terhadap falsafah pendidikan bahasa kepada kajian bersifat penilaian guru Bahasa Melayu berkaitan tahap pelaksanaan elemen falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional di sekolah. Di samping itu, dapatan kajian ini juga memperkukuhkan lagi hasil kajian Awang

Sariyan (1997) berkaitan persepsi guru Bahasa Melayu di empat buah sekolah di negeri Selangor terhadap Pendekatan Bersepadu Pendidikan Bahasa Melayu, perancangan dan pelaksanaan pengajaran bersandarkan falsafah pendidikan bahasa.

Dapatan ini juga turut memperkukuhkan hasil kajian semula bidang falsafah bahasa oleh Mohd Rashid dan Abu Hassan (2010). Dapatan kajian yang dijalankan oleh kedua-dua penyelidik ini melibatkan seramai 200 orang guru Bahasa Melayu di 10 daerah di negeri Perak. Hasil dapatan menunjukkan responden guru memberikan persepsi yang positif terhadap kepentingan falsafah pendidikan bahasa.

Justeru, dapatan fasa penilaian ini telah dijalankan dengan lebih teliti, iaitu melibatkan sekolah yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai sekolah yang mempunyai pencapaian cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di empat buah negeri, iaitu negeri Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan.

IMPLIKASI KAJIAN

Dapatan kajian tinjauan ini menunjukkan pelaksanaan penyerapan elemen falsafah bahasa telah dilaksanakan dengan tinggi dan interpretasi memuaskan di semua Sekolah Kluster Kecemerlangan (Kebitaraan Bahasa Melayu). Dapatan ini membuktikan bahawa sekolah yang telah mencapai taraf kebitaraan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sebenarnya telah melaksanakan dan menerima positif pelaksanaan penyerapan elemen falsafah bahasa ini khususnya untuk penyatupaduan nasional dalam kalangan murid pelbagai etnik.

Walaupun kajian ini tidak dapat mengesahkan faktor pelaksanaan penyerapan elemen falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional sebagai faktor penyebab sekolah tersebut mencapai taraf kebitaraan Bahasa Melayu, namun demikian dapatan berkaitan konsep, matlamat, kepentingan, kurikulum, strategi pembelajaran murid, strategi pengajaran guru dan pengujian dan penilaian yang menunjukkan elemen-elemen yang terkandung dalam setiap tema tersebut telah berjaya meningkatkan kesedaran dan keilmuan guru Bahasa Melayu tentang peri pentingnya aspek falsafah yang mendasari aspek mekanis dan teknis

dalam pengajaran Bahasa Melayu (Awang Sariyan 2016; Mohd Rashid 2012). Kesedaran dan nilai keilmuan ini yang mungkin menjadi faktor kebitaraan sekolah tersebut dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Kajian ini turut memberi sumbangan yang besar dalam bidang ilmu linguistik, khususnya bidang falsafah bahasa yang dilihat dari skop yang berbeza tetapi asasnya tetap sama. Oleh itu, kajian ini dapat memperluaskan skop dan peranan falsafah bahasa daripada bidang yang hanya berfokus kepada pendidikan bahasa kepada usaha penyatupaduan nasional.

KESIMPULAN

Semua masyarakat harus mengakui bahawa Bahasa Melayu telah mempunyai sejarah yang panjang dan gemilang serta diyakini untuk menjadi wahana penyatupaduan nasional. Dalam hal ini kemampuan Bahasa Melayu bukanlah menjadi persoalannya tetapi kemampuan pendukungnya untuk mengungkapkan fikiran dan perasaan dalam Bahasa Melayu yang berwibawa.

Dengan mengambil kira permasalahan kajian dan kajian-kajian terdahulu berkaitan falsafah bahasa, kajian terhadap konsep dan inti pati falsafah bahasa wajar diberikan tumpuan khusus bagi memperluaskan lagi elemen falsafah bahasa bukan hanya untuk tujuan pendidikan Bahasa Melayu sahaja malahan untuk penyatupaduan nasional.

Secara impresionistik dan pandangan teoretis isu ini telah dibincangkan dalam pelbagai wacana lisan dan tulisan dan kajian ini diyakini dapat memperkukuh teori dan idealisme tentang peranan Bahasa Melayu dalam membentuk penyatupaduan nasional, melalui sistem pendidikan.

RUJUKAN

- A. Chadar Alwasilah. 2008. *Filsafat bahasa dan pendidikan*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Aron, J. & Aron, K. 2002. *Statistics for the behavioral and social sciences: A brief course*. 2nd Edition. New Jersey: Prentice Hall.
- Asep Ahmad Hidayat. 2009. *Filsafat bahasa mengungkap hakikat bahasa, makna dan tanda*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.

- Asmah Omar. 2015. *Dasar bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Asmah Omar. 1979. *Language planning for unity and efficiency*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Awang Sariyan. 2014. *Peranan bahasa dalam pembinaan insan dan pembangunan negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Awang Sariyan. 2010. Pemartabatan bahasa kebangsaan dalam pembinaan negara bangsa. *Syarah Bahasa sebagai Penyandang Kursi Pengajian Melayu Malaysia-China*. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur dan IPG Tengku Ampuan Afzan. Kuala Lipis, 25 Februari.
- Awang Sariyan. 2004. *Teras pendidikan Bahasa Melayu asas pegangan guru*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Awang Sariyan. 1997. Falsafah pendidikan bahasa: Kajian tentang konsep dan pelaksanaannya di Malaysia dengan rujukan khusus kepada pendidikan Bahasa Melayu di sekolah menengah. Tesis Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Asas statistik penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Hassan Omar. 2014. SJK perlu pertingkat program pembelajaran Bahasa Melayu. *Berita Harian*. pp. 27.
- Hashim Musa. 2006. Pengantar falsafah bahasa Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Khairuddin Mohamad, Ghazali Ismail & Mastura Mohamed Berawi. 2014. *Sejarah perkembangan Bahasa Melayu, perkamusan dan terjemahan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin. 2011. Sistem pendidikan di Malaysia: Dasar, cabaran, dan pelaksanaan ke arah perpaduan nasional. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan (SOSIOHUMANIKA)*, 4 (1): 33-47.
- Mohd Majid Konting. 2000. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mohd Rashid Md Idris & Abu Hassan Abdul. 2010. Kajian semula falsafah pendidikan Bahasa Melayu sekolah menengah di Malaysia. *Geran Penyelidikan 2010-0013-107-01*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Rashid Md Idris. 2007. Falsafah bahasa: Nilai estetik dan intelek dalam pantun. Tesis Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Mohd Rashid Md Idris. 2012. *Teori falsafah bahasa: Teori Rashid*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Faizal A.Ghani & Abd. Khalil Adnan. 2015. Model program perkembangan profesionalisme guru Malaysia: Satu kajian analisis keperluan di sekolah berprestasi tinggi dan sekolah berprestasi rendah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2 (2): 1-16.
- Nik Safiah Karim. 2007. Bahasa Melayu Wahana Pembangunan Negara. Dialog Bahasa dengan Tema Pemeraksanaan Bahasa Melayu dalam Konteks Pembinaan Modal Insan. Negeri Sembilan, 9 April 2007.
- Outhwaite, W. 2003. *The Blackwell dictionary of modern social thought*. 2nd Edition. Malden, Massachusetts: Blackwell Publishing.
- Ong Sze Chong, Zamri Mahamod & Hamidah Yamat. 2013. Faktor Jantina, kaum, aliran kelas dan hubungannya dengan kecerdasan emosi murid dalam mempelajari Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3 (1): 12-23.
- Richey, R.C. & Klein, J.D. 2007. *Design and development research*. New York: Routledge.
- Rosnah Ishak. 2013. Pembinaan profil amalan terbaik organisasi pembelajaran untuk sekolah Malaysia. Disertasi Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Saedah Siraj. 2008. *Kurikulum masa depan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sekaran, U. 2003. *Research methods for business: A skill building approach*. 4th Edition. New York: John & Wiley.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2014. *Perpaduan, kesepaduan, penyatupaduan: Satu negara, satu kata akar, tiga konsep keramat*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

- Sills, D.L. (Eds.). 1969. *International encyclopedia of the social sciences*. 7. New York: The Macmillan Company & The Free Press.
- Teo, Kok Seong. 2016. Bahasa Melayu penting demi kelangsungan. *Berita Harian*, 27.
- Teo Kok Seong. 2015. Prasangka terhadap Bahasa Melayu perlu dihentikan. *Berita Harian*, 27.
- Teo, Kok Seong. 2013. Bahasa Melayu asas kemerdekaan negara Malaysia. *Dewan Bahasa*, 10-13.
- Teo, Kok Seong. 2010. Bahasa Melayu wajib jadi teras. *Pemikir*, 6 (60), April-Jun: 41-56.
- Zamri Mahamod, Jamaludin Badusah, Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff, Mohamad Amin Embi & Sharala A/P Subramaniam. 2014. Penggunaan dan kekerapan strategi pembelajaran Bahasa Melayu pelajar asing. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4 (2): 25-35.
- Zulkifli Awang. 2012. Strategi pengajaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani Yang Berkesan. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya